A

Pendakwa Raya lwn Imran Susanto dan lain-lain

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO W-05(LB)-278–07 TAHUN 2016
ZAWAWI SALLEH, ZAKARIA SAM DAN KAMARDIN HASHIM HHMR
15 OGOS 2017

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap pelepasan dan pembebasan — Responden-responden dituduh dibawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya — Hakim bicara melepas dan membebaskan responden-responden tanpa dipanggil membela diri — Sama ada perayu berjaya membuktikan elemen milikan — Sama ada perayu berjaya membuktikan kes prima facie terhadap responden-responden

D

ASP Mohd Nazri bin Ismail ('SP7') dan anggota pasukannya telah membuat serbuan di sebuah rumah yang beralamat di Taman Bukit Cheras, Kuala Lumpur. Setelah sampai ke rumah tersebut, SP7 telah mengetuk pintu dan seterusnya, responden kedua telah membuka pintu rumah tersebut. Di dalam bilik pertama, SP7 mendapati responden ketiga sedang duduk bersila di atas lantai menghadap sebuah beg plastik berwarna putih ('P19'). Di dalam P19, SP7 menemui tiga peket plastik besar lut sinar yang masing-masing berisi bahan yang disyaki dadah berbahaya jenis syabu. SP7 tidak menemui apa-apa barang salah di dalam bilik kedua, sementara di dalam bilik ketiga, SP7 mendapati seorang perempuan Indonesia, Irma Yanti ('SP1') bersama dengan dua orang anak-anaknya yang sedang tidur. Di dalam bilik ketiga juga, pegawai penyiasat ('SP8') telah menemui dua keping gambar yang menunjukkan SP1 bersama suaminya yang bernama Imran Susanto ('responden pertama'). Ketiga-tiga responden telah ditangkap dan kemudianya dituduh dengan kesalahan memperedarkan dadah berbahaya di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan ('Kanun'). Ahli kimia (SP6') telah mengesahkan bahawa bahan dalam tiga peket lut sinar tersebut adalah dadah berbahaya jenis methamphetamine seberat 757g, sejenis dadah berbahaya yang tersenarai di bawah Jadual Pertama ADB. Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara mendapati bahawa perayu gagal untuk membuktikan kes prima facie terhadap responden-responden memandangkan elemen milikan dan pengedaran telah gagal dibuktikan. Hakim bicara seterusnya telah melepaskan dan membebaskan ketiga-tiga responden tanpa dipanggil untuk membela diri atas pertuduhan. Terkilan dengan keputusan tersebut, perayu telah memfailkan rayuan semasa. Perayu berhujah bahawa responden-responden mempunyai kawalan dan jagaan terhadap dadah yang

E F G H I

dipertuduhkan dan mereka juga mempunyai pengetahuan terhadap dadah tersebut. Perayu turut berhujah bahawa responden-responden memiliki dadah tersebut untuk tujuan diperedarkan dan responden-responden dikatakan mempunyai niat bersama di bawah s 34 Kanun dalam memiliki dan memperedarkan dadah berbahaya yang dipertuduhkan. Di dalam rayuan ini, notis bicara terhadap responden ketiga telah dibatalkan oleh mahkamah memandangkan perayu gagal mengesan dan menyerahkan notis bicara kepada responden ketiga walaupun beberapa peluang telah diberikan oleh mahkamah.

Diputuskan, menolak rayuan perayu; dan mengesahkan dan mengekalkan perintah pelepasan dan pembebasan responden-responden tanpa dipanggil membela diri oleh Mahkamah Tinggi:

(1) Keputusan hakim bicara adalah berdasarkan kepada dapatan fakta yang dikemukakan oleh perayu. Adalah menjadi satu prinsip undang-undang yang mantap bahawa mahkamah atasan dalam menimbangkan sesuatu rayuan hendaklah tidak dengan secara mudahnya mengenepikan dapatan dan penemuan sesuatu fakta oleh hakim yang membicarakan melainkan terdapat alasan yang kukuh atau terdapat kekhilafan yang terang dan nyata berdasarkan kepada rekod. Prinsip ini berdasarkan kepada fakta bahawa mahkamah yang mendengar rayuan tidak berpeluang untuk melihat dan mendengar saksi-saksi memberi keterangan untuk menentukan kebolehpercayaan terhadap saksi-saksi yang telah memberikan keterangan (lihat perenggan 25–26).

(2) Tidak terdapat apa-apa kekhilafan oleh hakim bicara dalam membuat dapatan bahawa perayu telah gagal untuk membuktikan elemen milikan terhadap responden pertama. Walaupun responden pertama merupakan penyewa bersama SP1 di premis dimana dadah ditemui, namun tidak dibuktikan responden pertama mempunyai kawalan dan jagaan terhadap bilik pertama dimana dadah ditemui. Keterangan SP1 menunjukkan bahawa selain bilik pertama tidak berkunci, bilik tersebut juga digunakan sebagai bilik tetamu dan telah diakses oleh beberapa orang tetamu sebelum kejadian. Malahan, pada hari kejadian, selain responden ketiga, bilik tersebut turut diakses oleh dua lelaki Acheh yang dilihat oleh SP1. Selain itu, tiada keterangan dikemukakan yang dapat menunjukkan sebarang *nexus* antara responden pertama dengan bilik pertama tersebut dan dengan dadah-dadah yang ditemui di dalam bilik tersebut (lihat perenggan 27–29).

(3) Tidak terdapat apa-apa kekhilafan oleh hakim bicara dalam membuat dapatan bahawa perayu telah gagal untuk membuktikan elemen milikan terhadap responden kedua. Apabila serbuan dibuat oleh SP7, responden kedua hanya telah membuka pintu rumah tersebut dan kelihatan terkejut melihat kedatangan pasukan polis. Reaksi terkejut adalah sesuatu yang biasa apabila pasukan polis membuat serbuan, lebih-lebih lagi responden

kedua merupakan seorang warga asing. Mahkamah tidak bersetuju dengan hujah perayu bahawa responden kedua dan ketiga memiliki kunci premis tersebut kerana: (a) tiada keterangan menunjukkan bahawa pintu premis dalam keadaan berkunci semasa pintu diketuk oleh SP7 dan dibuka oleh responden kedua; (b) tidak ada sebarang kunci premis tersebut ditemui dan dirampas daripada responden kedua dan ketiga; dan (c) terdapat kemungkinan pintu tidak dalam keadaan berkunci atau pintu itu telah dibuka dengan menggunakan kunci yang berada pada dua orang lelaki Acheh yang telah melarikan diri keluar dari bilik pertama dimana dadah ditemui (lihat perenggan 27 & 30–31).

(4) Fakta kehadiran responden ketiga yang didakwa oleh SP7 berada di dalam bilik pertama menghadap dadah-dadah yang dipertuduhkan adalah meragukan. Keterangan SP7 ini bercanggah dengan keterangan SP1 yang menyatakan bahawa responden ketiga ketika serbuan berada di ruang tamu rumah. Selain itu, mahkamah bersetuju dengan dapatan dan keputusan hakim bicara bahawa terdapat lompang dan kelemahan-kelemahan lain dalam kes pendakwaan yang menjadikan kes pendakwaan gagal untuk mencapai tahap pembuktian kes prima facie. Mahkamah turut bersetuju dengan keputusan hakim bicara bahawa perayu telah gagal untuk menafikan bilik dan premis tersebut turut diakses oleh pihak ketiga (lihat perenggan 32-34).

[English summary

ASP Mohd Nazri bin Ismail ('SP7') and his personnel had made a raid on a house located at Taman Bukit Cheras, Kuala Lumpur. After reaching the house, SP7 knocked the door and subsequently, the second respondent opened the door. In the first room, SP7 found that the third respondent was sitting cross-legged on the floor facing a white plastic bag ('P19'). Inside P19, SP7 found three large transparent plastic packs which contained substances suspected to be dangerous drugs of syabu. SP7 did not find any wrong item in the second room, whereas in the third room, SP7 found an Indonesian woman, Irma Yanti ('SP1') together with her two sleeping children. In the third room as well, the investigating officer ('SP8') found two pictures which showed SP1 together with her husband, Imran Susanto ('the first respondent'). All the three respondents were arrested and charged with the offence of trafficking in dangerous drugs under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the DDA') read together with s 34 of the Penal Code ('the Code'). The chemist ('SP6') had affirmed that the substances inside the three transparent plastic packs were 757g of dangerous drugs methamphetamine, a dangerous drug listed under the first schedule of the DDA. At the end of the prosecution's case, the trial judge found that the appellant failed to prove prima facie case against the respondents as the elements of possession and trafficking were not proven. Subsequently, all the three respondents were discharged and acquitted without being called to enter defence. Aggrieved by the decision, the appellant filed the

present appeal. The appellant submitted that the respondents had control and custody over the drugs and they also had knowledge about the drugs. The appellant further submitted that the respondents were in possession of the drugs for trafficking purposes and the respondents had common intention under s 34 of the Code by having in possession and trafficking the said drugs. In the present appeal, the trial notice against the third respondent was dismissed by the court because the appellant had failed to detect the whereabouts of the third respondent and the appellant had also failed to serve the trial notice to the third respondent despite numerous opportunities given by the court.

Held, dismissing the appellant's appeal; and affirming and maintaining the High Court's order of discharge and acquittal without calling for defence against the respondents:

(1) The decision of the trial judge was based on the finding of facts adduced by the appellant. It is trite principle of law that the superior court in weighing an appeal cannot easily dismiss the finding and the finding of facts by the trial judge unless there is valid reason and; there was obvious and clear error based on the record. This principle is based on the facts that the court hearing an appeal do not have the benefits of seeing and hearing the witnesses giving the evidence to decide on the trustworthiness of the said witnesses (see paras 25–26).

(2) There was no error by the trial judge in making the finding that the appellant had failed to prove the element of possession against the first respondent. Even though the first respondent was a joint-tenant with SP1 in the premises where the drugs were found, but it was not proven that the first respondent had the control and custody of the first room where the drugs were found. The evidence of SP1 showed that in addition to the facts that the first room was not locked, the said room was also used as the guest room and several guests had accessed the room before the incident. In addition, other than the third respondent, two Acheh men, as was seen by SP1, had also accessed the said room. Besides, there was no evidence which showed the nexus between the first respondent with the first room and with the drugs which were found in the said room (see paras 27–29).

(3) There was no error by the trial judge in making the finding that the appellant had failed to prove the element of possession against the second respondent. When the house was raided by SP7, the second respondent had opened the door and he was surprised with the arrival of the police. The surprise reaction was an ordinary thing when police personnel conducted a raid, especially the second respondent was a foreigner. The court disagreed with the submission of the appellant that the second and third respondents were in possession of the key to the said premises

because: (a) there was no evidence showing that the door of the premises was locked when SP7 knocked the door and when the second respondent opened the door; (b) there was no key found and taken from the second and third respondents; and (c) there was possibility that the door was not locked or the door was already opened, by the Acheh men who were seen to had ran away from the first room where the drugs were found (see paras 27 & 30–31).

(4) The fact that the third respondent was in the first room facing the said drugs as contended by SP7 was doubtful. This evidence by SP7 was in contradiction with the evidence of SP1 that at the time of the raid, the third respondent was in the living room. Besides, the court agreed with the findings and decisions of the trial judge that there were other gaps and weaknesses in the prosecution's case that made the prosecution's case failed to achieve the standard of proof for prima facie case. The court further agreed with the decisions of the trial judge that the appellant had failed to deny that the room and the premises were accessible by third party (see paras 32–34).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap pelepasan dan pembebasan, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 231–241.

Kes-kes yang dirujuk

Martin Uchenna v Public Prosecutor [2014] 5 MLJ 455; [2014] 1 LNS 688, CA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 37(b), (d), 39B(1)(a), Jadual Pertama Kanun Keseksaan s 34

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45A-49 dan 50–07 Tahun 2015 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur)

Wong Pooi Yoke (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak perayu.
Selvi Sundrasegran (Gooi & Azura) bagi pihak responden pertama dan kedua.

Kamardin Hashim HMR:

[1] Ini adalah rayuan pendakwa raya terhadap perintah hakim Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur ('hakim bicara') yang telah melepaskan dan membebaskan responden-responden diakhir kes pendakwaan bagi satu pertuduhan memperedarkan dadah berbahaya di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan.

A **[2]** Butir-butir pertuduhan terhadap responden pertama melibatkan Kes No 45A-49–07 Tahun 2015 ialah seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama Iwan Buyung (Pasport: Tiada), Chanderan a/l S Karmegam (No KP: 850406-08-6491) dan Irma Yanti (Pasport: A1249895) pada 6.2.2015 jam lebih kurang 12.30 tengahari, di rumah beralamat Blok J-7-14 Cheria Height, Taman Bukit Cheras, di dalam daerah Cheras, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam mencapai niat bersama telah mengedar dadah berbahaya jenis methamphetamine berat bersih 757 gram. Oleh itu kamu telah melakukan kesalahan dibawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum dibawah Seksyen 39B(2) Akta yang sama dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[3] Manakala butir-butir pertuduhan terhadap responden kedua dan responden ketiga serta seorang lagi tertuduh, Irma Yanti, melibatkan Kes No 45A-50–07 Tahun 2015 dibaca seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 6.2.2015 jam lebih kurang 12.30 tengahari, di rumah beralamat Blok J-7-14 Cheria Height, Taman Bukit Cheras, di dalam daerah Cheras, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam mencapai niat bersama telah mengedar dadah berbahaya jenis methamphetamine berat bersih 757 gram. Oleh itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) Akta yang sama dibaca bersama Seksyen 34 Kaun Keseksaan.

[4] Sejurus sebelum perbicaraan dimulakan, pihak pendakwaan telah menarik balik pertuduhan terhadap Irma Yanti. Hakim bicara telah memerintahkan Irma Yanti, iaitu tertuduh keempat, dilepas dan dibebaskan dari pertuduhan. Pihak pendakwaan seterusnya telah memanggil Irma Yati sebagai saksi pendakwaan ('SP1').

[5] Di akhir kes pihak pendakwaan, hakim bicara telah melepaskan dan membebaskan ketiga-tiga responden tanpa dipanggil untuk membela diri atas pertuduhan. Terkilan dengan keputusan tersebut, pihak pendakwaan telah memfailkan rayuan ke mahkamah ini.

[6] Kami telah mendengar rayuan perayu pada 13 Julai 2017 dan kami telah mengekalkan perintah hakim bicara yang melepas dan membebaskan responden pertama dan responden kedua dari pertuduhan. Kami perincikan alasan-alasan kami dalam menolak rayuan perayu seperti di bawah.

[7] Sebelum kami mendengar rayuan perayu, kami ingin menyatakan bahawa pihak perayu telah gagal untuk mengesan dan gagal untuk menyerahkan notis bicara kepada responden ketiga walaupun beberapa peluang telah diberikan oleh mahkamah. Notis bicara terhadap responden ketiga pada akhirnya telah kami batalkan.

KES PENDAKWAAN

[8] Kes pihak pendakwaan secara ringkasnya adalah seperti berikut. Bertindak atas maklumat, pada 6 Februari 2015, jam lebih kurang 12.30 tengahari, ASP Mohd Nazri bin Ismail ('SP7') bersama dengan sepuluh anggota pasukannya telah membuat serbuan disebuah rumah dialamat Blok J-7-14, Cheria Height, Taman Bukit Cheras, Kuala Lumpur ('rumah tersebut'). Sebaik tiba di rumah tersebut, SP7 terus mengetuk pintu sambil memperkenalkan dirinya sebagai polis. Pintu seterusnya telah dibuka oleh seorang lelaki warga Indonesia yang kemudiannya dicamkan sebagai respoden kedua. Tiada sebarang barang salah ditemui dalam pemeriksaan badan responden kedua.

[9] Seterusnya, SP7 dan anggota pasukannya telah menjalankan pemeriksaan di dalam bilik pertama rumah tersebut. Hasil pemeriksaan, SP7 mendapati seorang lelaki India (dicamkan sebagai responden ketiga) sedang duduk bersila di atas lantai menghadap sebuah beg plastik berwarna putih ('P19'). Apabila P19 diperiksa dengan disaksikan oleh responden kedua dan responden ketiga, SP7 menemui di dalam P19 terdapat tiga paket plastik besar lut sinar yang masing-masing berisi bahan yang disyaki dadah berbahaya jenis syabu (P20, P21 dan P22).

[10] SP7 seterusnya membuat pemeriksaan didalam bilik kedua rumah tersebut tetapi tidak menemui sebarang barang salah. Pemeriksaan didalam bilik ketiga, SP7 mendapati seorang perempuan Indonesia, Irma Yanti (SP1) bersama dengan dua orang anak-anaknya sedang tidur. SP7 tidak menjumpai sebarang barang salah pada badan SP1 dan juga di dalam bilik ketiga rumah tersebut.

[11] Responden kedua, responden ketiga dan SP1 ditangkap dan telah dibawa balik ke IPK Kuala Lumpur bersama dengan barang-barang kes yang dirampas untuk tindakan susulan. Ketiga-tiga tangkapan dan barang-barang kes kemudiannya telah diserahkan oleh SP7 kepada Pegawai Penyiasat, Insp Wan Mohamad Fauzi bin Wan Daud ('SP8'), untuk tindakan penyiasatan selanjutnya.

[12] SP1 dalam keterangannya, antara lain, menyatakan bahawa semasa beliau membuka pintu bilik ketiga selepas diketuk oleh SP7, beliau melihat dua orang lelaki Indonesia (Acheh) melarikan diri dari bilik pertama iaitu seorang berbadan besar dan seorang lagi berbadan kecil.

[13] SP8 telah melawat ke rumah tersebut dan telah merampas dua keping gambar dari dalam bilik ketiga. Gambar-gambar tersebut (P28(A–B)) menunjukkan SP1 bersama suaminya yang bernama Imran Susanto

(responden pertama). Menurut SP8, responden pertama telah berjaya ditangkap lebih kurang dua bulan selepas kejadian iaitu pada 9 April 2012 jam lebih kurang 6 petang di hadapan rumah No G-4-19, PPR Sg Bonus, Air Jernih, Lengkok 54C, Jalan Air Panas, Setapak, Kuala Lumpur.

[14] Barang-barang kes yang disyaki sebagai dadah berbahaya jenis syabu yang terdapat didalam tiga paket plastik lut sinar (P20, P21 dan P22) telah di hantar oleh SP8 ke Jabatan Kimia Malaysia untuk analisis. Ahli kimia, Rohaya bt Jaafar (SP6), mengesahkan hasil analisis yang telah beliau lakukan, mendapati bahan dalam tiga peket plastik lut sinar tersebut mengandungi dadah berbahaya jenis methamphetamine dengan jumlah berat 757g, hal perkara pertuduhan. SP8 juga mengesahkan bahawa methamphetamine ialah sejenis dadah berbahaya yang tersenarai bawah Jadual Pertama ADB.

DAPATAN HAKIM BICARA DIAKHIR KES PENDAKWAAN

[15] Hakim bicara telah membuat dapatan bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kes prima facie terhadap responden pertama dan responden kedua atas pertuduhan yang dihadapkan. Walaupun hakim bicara telah menerima keterangan SP6 dan mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan elemen pertama pertuduhan iaitu bahawa hal perkara pertuduhan adalah merupakan dadah berbahaya seperti yang tersenarai di bawah Jadual Pertama ADB, namun hakim bicara mendapati elemen milikan dan pengedaran telah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

[16] Dalam membuat dapatan bahawa elemen milikan dan pengedaran telah gagal dibuktikan, hakim bicara telah memberikan alasan-alasan yang dapat kami simpulkan seperti berikut:

(a) wujud lompong dalam kes pendakwaan berikutan terdapat dua lelaki Acheh bernama Bala dan Din yang berjaya melarikan diri dari rumah tempat kejadian semasa serbuan oleh pasukan polis yang diketuai oleh SP7;

(b) wujud percanggahan yang material dalam keterangan SP1 dengan SP7 berkaitan kewujudan dua lelaki Acheh yang berjaya melarikan diri dari rumah tersebut;

(c) keterangan SP1 diterima oleh hakim bicara sebagai keterangan yang kredibel dan merupakan seorang saksi yang bebas; dan

(d) keterangan SP7 ditolak oleh hakim bicara berdasarkan 'demeanor' dan percanggahan material dalam keterangan yang diberikan oleh SP7. Hakim bicara mendapati SP7 tidak bercakap benar.

[17] Setelah membuat penilaian yang maksima, hakim bicara mendapati kes pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie. Dengan itu, responden-responden telah dilepas dan dibebaskan dari pertuduhan.

RAYUAN PERAYU

[18] Di hadapan kami, Puan timbalan pendakwa raya ('Puan TPR') terpelajar telah menimbulkan dua isu utama untuk membenarkan rayuan perayu. Isu pertama, Puan TPR menghujahkan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap ketiga-tiga responden. Dihujahkan bahawa responden-responden mempunyai kawalan dan jagaan terhadap dadah yang dipertuduhkan dan mereka juga mempunyai pengetahuan terhadap dadah tersebut. Dihujahkan juga bahawa responden-responden memiliki dadah tersebut untuk tujuan diperedarkan dan responden-responden dikatakan mempunyai niat bersama di bawah s 34 Kanun Keseksaan dalam memiliki dan memperedarkan dadah berbahaya yang dipertuduhkan.

[19] Mengenai isu kawalan dan jagaan, Puan TPR menghujahkan bahawa responden pertama mempunyai kawalan dan jagaan terhadap dadah yang dipertuduhkan berdasarkan kepada fakta-fakta berikut:

(a) keterangan SP1 dan SP8 menunjukkan bahawa rumah di mana dadah dirampas disewa oleh SP1 dan suaminya, responden pertama;

(b) sebagai penghuni rumah itu, responden pertama mempunyai kawalan dan jagaan ke atas premis itu dan anggapan di bawah s 37(d) ADB terpakai;

(c) keterangan SP1 mengesahkan bahawa responden pertama adalah suaminya dan responden pertama tinggal dipremis itu;

(d) terdapat gambar responden pertama dijumpai di dalam rumah tersebut;

(e) responden pertama telah menghilangkan diri selepas serbuan pihak polis dan ini menunjukkan bahawa beliau bukanlah seorang yang 'innocent person';

(f) keterangan SP1 menyatakan bahawa responden pertama telah menjemput responden kedua datang ke rumah pada hari itu dan responden pertama sedar tentang kedatangan responden kedua ke rumah tersebut; dan

(g) responden pertama mempunyai kawalan dan jagaan terhadap rumah tersebut dan dengan itu dianggap sebagai penghuni premis tersebut di bawah s 37(b) ADB.

[20] Puan TPR juga berhujah bahawa responden kedua mempunyai kawalan dan jagaan terhadap dadah yang dipertuduhkan berdasarkan kepada fakta-fakta berikut:

(a) keterangan SP1 menyatakan bahawa responden kedua telah datang ke premis tersebut dan ditangkap di situ kononnya dengan tujuan untuk mengemas bilik atas suruhan responden pertama;

(b) keterangan SP1 menyatakan bahawa dia tidak tahu bagaimana responden kedua dan responden ketiga boleh masuk ke dalam rumah tersebut; andaian dapat dibuat bahawa responden kedua dan/atau responden ketiga mempunyai kunci rumah tersebut;

(c) reaksi responden kedua apabila SP7 datang ke rumah tersebut;

(d) keterangan SP7 bahawa responden kedua yang telah membuka pintu untuk SP7 masuk ke dalam rumah tersebut;

(e) dadah yang dipertuduhkan telah ditemui di dalam bilik pertama dalam keadaan terbuka di hadapan responden ketiga dengan disaksikan oleh responden kedua;

(f) keterangan SP7 bahawa semasa serbuan dilakukan, pintu bilik pertama dalam kedaan sedikit terbuka; dan

(g) inferens dapat dibuat bahawa responden kedua mempunyai kawalan dan jagaan terhadap dadah yang dirampas dalam bilik pertama tersebut.

[21] Mengenai elemen pengetahuan, Puan TPR menghujahkan bahawa elemen pengetahuan boleh dibuat inferens melalui fakta bahawa responden kedua dan responden ketiga berada di dalam rumah dimana dadah ditemui dan dadah tersebut mudah dilihat serta melalui anggapan di bawah s 37(d) ADB terhadap responden pertama berlandaskan kepada fakta bahawa mempunyai kawalan dan jagaan terhadap rumah tersebut dimana dadah yang dipertuduhkan telah dirampas.

[22] Puan TPR menghujahkan bahawa memandangkan kawalan dan jagaan terhadap barang kes dadah, anggapan pengetahuan boleh dibuat di bawah s 37(d) ADB dan elemen pengedaran telah berjaya dibuktikan melalui keterangan langsung di bawah s 2 ADB. Puan TPR menghujahkan bahawa perbuatan responden-responden menyimpan dadah berbahaya yang dipertuduhkan didalam bilik pertama rumah tersebut termasuk dalam definasi perbuatan mengedar di bawah s 2 ADB, iaitu menyimpan (*keeping*).

[23] Puan TPR turut menghujahkan bahawa responden-responden mampunyai niat bersama di bawah s 34 Kanun Keseksaan dalam memiliki dan mengedar dadah berbahaya yang dipertuduhkan. Hujahan Puan TPR berdasarkan kepada fakta kehadiran responden kedua dan responden ketiga di

tempat di mana dadah tersebut ditemui. Manakala terhadap responden pertama, Puan TPR menghujahkan bahawa responden pertama mempunyai *nexus* terhadap premis dimana dadah tersebut ditemui berdasarkan kepada fakta bahawa responden pertama adalah sebagai penyewa dan juga penghuni premis tersebut.

[24] Berkaitan isu mengenai kehadiran dua lelaki Acheh yang berjaya melarikan diri dari rumah tersebut, Puan TPR menghujahkan bahawa fakta ini hanya timbul semasa SP1 diperiksa balas oleh pihak pembelaan. Perkara ini tidak pernah ditimbulkan oleh SP1 sebelum daripada itu, iaitu semasa siasatan dilakukan oleh SP8. Oleh itu, dihujahkan oleh Puan TPR bahawa keterangan SP1 perlu diteliti dan diterima dengan berhati-hati, lebih-lebih lagi apabila dakwaan SP1 telah dinafikan oleh SP7 dan SP8. Responden pertama pula adalah merupakan suami kepada SP1.

DAPATAN KAMI

[25] Kami telah meneliti rekod rayuan dan kami dengan sebulat suara bersetuju dengan dapatan dan keputusan hakim bicara dalam melepas dan membebaskan responden-responden dari pertuduhan. Kami mendapati keputusan hakim bicara telah dibuat berdasarkan kepada keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Kami bersetuju dengan penghujahan peguam bela terpelajar bahawa keputusan hakim bicara adalah berdasarkan kepada dapatan fakta yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan.

[26] Adalah menjadi satu prinsip undang-undang mantap bahawa mahkamah atasan dalam menimbangkan sesuatu rayuan hendaklah tidak dengan secara mudahnya mengenepikan dapatan dan penemuan sesuatu fakta oleh hakim yang membicarakan melainkan terdapat alasan yang kukuh atau terdapat kekhilafan yang terang dan nyata berdasarkan kepada rekod. Prinsip ini berlandaskan kepada fakta bahawa mahkamah yang mendengar rayuan tidak berpeluang untuk melihat dan mendengar saksi-saksi memberi keterangan untuk menentukan kebolehpercayaan terhadap saksi-saksi yang telah memberikan keterangan. Azahar Mohamed HMR (sekarang HMP) dalam kes *Martin Uchenna v Public Prosecutor* [2014] 5 MLJ 455; [2014] 1 LNS 688 menyatakan prinsip ini seperti berikut:

> [22] As an appellate court, we do not have the advantage of seeing and hearing the prosecution witnesses as the learned trial judge had. It is an established principle of law that an appellate court should be slow to interfere with the finding of fact by a lower court as an appellate court does not have the advantage of seeing and hearing the witnesses and therefore of assessing their credibility (see *Public Prosecutor v Wan Razali Kassim* [1970] 2 MLJ 79 and *Lim Kheak Teong v Public Prosecutor* [1985] 1 MLJ 38). As to the maximum evaluation of the evidence and the reasoning by the learned trial judge as to the inherent probabilities based upon the evidence, we find no error of flaw that warrants appellate intervention.

A **[27]** Berdasarkan kepada penelitian kami terhadap rekod rayuan dan alasan penghakiman hakim bicara yang bijaksana, kami tidak mendapati sebarang kekhilafan oleh hakim bicara dalam membuat dapatan bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan elemen milikan terhadap responden pertama dan responden kedua.

B

[28] Kami bersetuju dengan penghujahan oleh peguam bela terpelajar bahawa walau pun responden pertama merupakan penyewa bersama SP1 premis dimana dadah ditemui, namun tidak dibuktikan responden pertama mempunyai kawalan dan jagaan terhadap bilik pertama dimana dadah C ditemui. Keterangan SP1 menunjukkan bahawa selain bilik pertama tidak berkunci (telah rosak), bilik pertama itu juga telah digunakan sebagai bilik tetamu dan telah diakses oleh beberapa orang tetamu sebelum kejadian. Malahan, pada hari kejadian selain responden ketiga, bilik pertama itu turut diakses oleh dua lelaki Acheh yang dilhat oleh SP1 berjaya melarikan diri D keluar dari bilik pertama tersebut.

[29] Bilik pertama itu juga tidak dihuni oleh responden pertama memandangkan keterangan SP1 menyatakan bahawa suaminya dan anak-anak E tinggal di dalam bilik utama (bilik ketiga). Malahan, tiada keterangan dikemukakan yang dapat menunjukkan sebarang *nexus* antara responden pertama dengan bilik pertama tersebut dan dengan dadah-dadah yang ditemui di dalam bilik itu. Pada masa serbuan dijalankan, responden pertama tidak ditemui berada di dalam bilik pertama tersebut dan tidak juga berada dipremis F tersebut. Tiada barangan peribadi responden pertama ditemui di dalam bilik pertama. Gambar responden pertama dan barangan peribadinya hanya ditemui dari dalam bilik utama dimana SP1 ditangkap bersama dua orang anak-anaknya. Responden pertama hanya ditangkap dua bulan selepas kejadian di kawasan Setapak, Kuala Lumpur.

G

[30] Kes pendakwaan terhadap responden kedua adalah lebih lemah dan meragukan. Tidak dipertikaikan bahawa responden kedua hanyalah sebagai pelawat. Kehadiran responden kedua di premis tersebut adalah atas suruhan responden pertama untuk mencuci dan mengemas ruang tamu dan bahagian H dapor didalam rumah tersebut. Apabila serbuan dibuat oleh SP7, responden kedua hanya telah membuka pintu rumah tersebut dan kelihatan terkejut melihat kedatangan pasukan polis. Reaksi terkejut adalah sesuatu yang biasa apabila pihak pasukan polis membuat serbuan, lebih-lebih lagi responden kedua merupakan seorang warga asing (Indonesia).

I

[31] Kami tidak bersetuju dengan hujahan Puan TPR bahawa responden kedua dan responden ketiga memiliki kunci premis tersebut hanya atas alasan bahawa SP1 tidak sedar akan kedatangan mereka. Pertamanya, tiada keterangan menunjukkan bahawa pintu premis dalam keadaan berkunci

semasa pintu diketuk oleh SP7 dan dibuka oleh responden kedua. Keduanya, tidak ada sebarang kunci premis tersebut telah ditemui dan dirampas daripada responden kedua dan responden ketiga. Dan ketiganya, kemungkinan pintu tidak dalam keadaan berkunci atau pintu itu telah dibuka dengan menggunakan kunci yang berada pada dua orang lelaki Acheh, Bala dan Din yang telah melarikan diri keluar dari bilik pertama dimana dadah ditemui. Dua lelaki Acheh itu gagal ditahan oleh pihak polis dan tiada sebarang penjelasan telah diberikan mengenai kegagalan tersebut.

[32] Mengenai fakta kehadiran responden ketiga bersama dengan dadah yang dipertuduhkan di dalam bilik pertama dan fakta ini yang menjadi asas hujahan Puan TPR untuk mengaitkan niat bersama dengan responden kedua dan responden pertama, kami melihat hujahan ini agak tersasar. Ini adalah kerana fakta kehadiran responden ketiga yang didakwa oleh SP7 berada di dalam bilik pertama menghadap dadah-dadah yang dipertuduhkan turut meragukan. Keterangan SP7 ini bercanggah dengan keterangan SP1 yang menyatakan bahawa responden ketiga ketika serbuan berada di ruang tamu rumah. Percanggahan ini, menurut hakim bicara, adalah material dan gagal diperjelaskan oleh saksi-saksi pendakwaan.

[33] Kami bersetuju dengan dapatan dan keputusan hakim bicara bahawa terdapat lompang dan kelemahan-kelemahan lain dalam kes pendakwaan telah menjadikan kes pendakwaan gagal untuk mencapai tahap pembuktian kes prima facie. Kami perturunkan alasan-alasan hakim bicara dalam membebaskan responden-responden tanpa dipanggil untuk membela diri seperti berikut (di ms 18–21 *AR Jld* 1):

> 30. Mengenai isu kedua dan ketiga, Tertuduh 1 adalah penyewa rumah tersebut bersama keluarga. Pada tarikh serbuan dibuat 06/02/2015, Tertuduh 1 (Imran) tiada di rumah di tempat kejadian. Semasa serbuan dibuat, yang ada ialah Tertuduh 2 (Iwan Buyung). Tertuduh 3 (Chandran), SP1 dan anak-anaknya. Menurut SP1 ada 2 orang lain yang telah melarikan diri seorang berbadan besar dan seorang lagi berbadan kecil. Tertuduh 2 hanya membuka pintu rumah. Semasa serbuan, SP7 hanya melihat Tertuduh 3 sedang duduk di hadapan plastik yang terbuka yang kemudiannya disahkan mengandungi dadah berbahaya.
>
> 31. Pengamatan Mahkamah, hanya Tertuduh 3 sahaja yang berada dekat dadah berbahaya tersebut. Adakah Tertuduh 3 mempunyai jagaan, kawalan dan milikan ke atas dadah berbahaya tersebut? Jawapannya sukar. Anggapan di bawah seksyen 37(d)(da) Akta Dadah Berbahaya susah untuk dipakai. Penglibatan Tertuduh 2 tidak dijelaskan. Manakala Tertuduh 1 ditangkap 2 bulan selepas kejadian di kawasan Setapak. Untuk mengaitkan Tertuduh 1 dan Tertuduh 2 dengan dadah berbahaya itu khususnya mengedar dadah berbahaya tersebut adalah sukar dan tidak dibuktikan.
>
> 32. Begitu juga dari cara Tertuduh 3 ditangkap sama ada di depan paket plastik dadah atau di ruang tamu bermain *game play station*?
>
> Dua versi dikemukakan oleh pendakwaan. SP7 kata Tertuduh 3 ditangkap semasa

sedang mengadap paket dadah. SP1 kata Tertuduh 3 berada di ruang tamu semasa beliau membuka pintu selepas diketuk oleh polis.

33. Kewujudan 2 orang Acheh yang melarikan diri semasa serbuan itu tak dipertikaikan oleh pendakwaan.

34. Mahkamah berpandapat pendakwaan gagal membuktikan bahawa Tertuduh 3 mempunyai akses yang ekslusif ke atas bilik pertama yang dikatakan dadah dijumpai. (*Yap Chin Chai v PP* [2010] 4 CLJ 693).

35. Kelakuan atau 'conduct' Tertuduh 2 dan Tertuduh 3 tenang, tidak melarikan diri dan memberi kerjasama yang penuh kepada polis menunjukkan mereka tiada pengetahuan mengenai dadah berbahaya tersebut. Ia tidak dapat membangkitkan inferens yang mereka mempunyai pengetahuan. (*Ibrahim Mohamad & Anor v PP* [2011] 4 CLJ 113, *Abdullah Zawawi Yusoff v PP* [1993] 3 MLJ 1).

36. Untuk mewujudkan pengedaran dadah menurut seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952, ia perlu dibuktikan milikan. (*PP v Chia Leong Foo* [2000] 6 MLJ 705, *Ong Ah Chuan v PP* [1981] 1 MLJ 54, *Chan Pean Leon v PP* [1956] 22 MLJ 237, *Choo Yoke Chong v PP* [1992] 2 MLJ 632, *Lee Chee Meng v PP* [1992] 1 MLJ 322). Dalam kes ini, Mahkamah berpandangan pendakwaan tak dapat membuktikan ketiga-tiga Tertuduh mempunyai milikan ke atas dadah berbahaya tersebut.

37. Mengenai isu keempat, tiada bukti menunjukkan Tertuduh 1 hingga Tertuduh 3 mempunyai niat bersama mengedar dadah berbahaya tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung (*Muhamad Safarudin Baba & Anor v PP* [2002] 4 CLJ 10, *Shamsuddin Hassan & Anor v PP* [1991] 3 MLJ 314, *Arfan Siji & Anor v PP* [2014] 1 LNS 1552, *PP v Murugan & Ors* [1996] 3 CLJ 921).

38. Mengenai pertuduhan dalam kes 45A-50-07/2015, pihak pendakwaan tidak memindanya selepas pertuduhan ke atas Irma Yanti (SP1) ditarik balik. Itu adalah tugas pendakwaan dimana mereka sedar dan telah menarik balik pertuduhan ke atas Irma Yanti. Ia bukan tugas Mahkamah untuk memindakannya kerana kecuaian pihak pendakwaan tidak meminda pertuduhan selepas pertuduhan ke atas Irma Yanti ditarik balik dan dijadikan SP1.

39. Selepas meneliti keterangan saksi-saksi pendakwaan, Mahkamah berpendapat terdapat kelompangan dalam kes pendakwaan. Kewujudan 2 orang Acheh yang dikatakan melarikan diri semasa serbuan walaupun diberitahu oleh SP1 kepada polis tidak diperjelaskan. Adakah mereka ini 'informer'?

40. Keterangan SP7 dan keterangan SP1 adalah bercanggah mengenai kewujudan dua orang Acheh ini. SP1 adalah saksi bebas yang ditangkap di bilik ketiga bersama 2 orang anaknya. Tiada barang salah dijumpai di bilik ketiga tersebut. Mahkamah berpendapat daripada 'demenour' SP1, beliau adalah saksi yang bercakap benar berbanding dengan keterangan SP7. SP7 adalah pegawai serbuan yang mempunyai kepentingan. Percanggahan keterangan SP1 dengan keterangan SP7 adalah 'material' pada pendapat Mahkamah. Daripada 'demenour' SP7 juga Mahkamah berpandangan SP7 tidak bercakap benar.

41. Berdasarkan seksyen 180(1) Kanun Tatacara Jenayah, Mahkamah berpendapat pendakwaan gagal membuktikan intipati 2, 3 dan 4 perenggan G di atas.

42. Selepas meneliti keterangan pendakwaan secara maksima seperti yang

diputuskan oleh kes *PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393, Mahkamah memutuskan bahawa pendakwaan gagal membuktikan 1 kes prima facie terhadap kesemua Tertuduh (seksyen 180(1) Kanun Tatacara Jenayah).

43. Oleh itu Mahkamah melepas dan membebaskan kesemua Tertuduh tanpa memanggil mereka membela diri. (Seksyen 180(2) Kanun Tatacara Jenayah).

[34] Kami turut bersetuju dengan hujahan peguam bela terpelajar dan dengan keputusan hakim bicara bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk menafikan bilik dan premis tersebut turut diakses oleh pihak ketiga. Kami perturunkan keterangan SP1 dan SP8 mengenai isu yang sama seperti berikut:

(a) keterangan SP1 dalam pemeriksaan-utama (di ms 3–4 RR *Jld* 2):

Q: Berapa lama kamu tinggal di situ?

A: Baru iaitu tengah bulan April 2014.

Q: Siapa lagi tinggal di situ?

A: Saya, suami dan anak-anak.

Q: Ada orang lain tinggal bersama kamu?

A: Kadang-kadang makcik datang bermalam.

Q: Bilik pertama siapa tinggal?

A: Untuk tetamu.

Q: Dalam bilik pertama, ada apa?

A: Komputer, kipas. Itu saja.

Q: Siapa lazim guna bilik pertama?

A: Tetamu yang datang duduk di situ.

Q: Boleh kunci bilik pertama?

A: Tidak boleh kerana kunci rosak. Kunci rosak selepas dua bulan saya duduk di situ.

(b) keterangan SP1 dalam pemeriksaan-balas (ms 7–8 dan 11–12 RR *Jld* 2):

Q: Bila polis ketuk pintu, kamu lihat apa berlaku di luar ruang tamu?

A: Ada. Ada 2 orang lain.

Q: Dari arah mana ke mana? Rujuk gambar ID7?

A: Saya di bilik No 3. Saya nampak orang itu keluar dari bilik pertama ke pintu keluar.

Q: Adakah kamu tahu bangsa, deskripsi?

A: Yang besar pakai baju merah berbunga. Yang kecil pakai baju purple.

Q: Baju apa?

A: T-shirt. Yang besar pakai baju kemeja (kolar). Yang kecil pakai T-shirt.

Q: Bangsa?

A: Acheh. Nampak macam Acheh.

Q: Kamu tahu orang besar dikenali sebagai Din?

A: Tidak tahu.

Q: Yang satu lagi bernama Bala?

A: Saya tidak tahu.

Q: Kamu lihat mereka dari bilik pertama ke pintu keluar?

A: Saya beritahu Polis ada orang lari.

Q: Apa polis cakap?

A: Polis diam sahaja.

Q: Selepas itu apa polis cakap kepada kamu?

A: Dia suruh saya duduk dalam bilik ketiga dan kunci dari dalam.

Q: Adakah kamu pada masa itu kamu nampak suami kamu?

A: Ya.

Q: Berapa lama kamu lihat suami kamu?

A: Sekejap sahaja.

Q: Kamu lihat polis tahan suami kamu di tempat parking?

A: Tidak nampak.

Q: Berkenaan dengan orang lain yang ditangkap bersama kamu, Setuju — semasa kamu beri percakapan, Iwan diajak oleh suami untuk kemaskan ruang tamu?

A: Betul.

Q: Iwan datang pada pagi itu?

A: Pada masa itu saya tidur saya tidak tahu.

Q: Kamu kata Iwan datang ke rumah kamu 3 kali termasuk tarikh tangkap?

A: Ya.

Q: Setuju dia datang 2 kali sebelum itu untuk kemas rumah?

A: Setuju.

Q: Rujuk gambar P7 (N). Ini di bilik mana?

A: N di bilik pertama.

Q: Baju biru milik siapa?

A: Kawan suami saya bernama Hafiz.

Q: Setuju — Hafiz pelawat dan guna bilik pertama?

A: Betul.

(c) keterangan SP8 di ms 67–68 *AR Jld* 2:

Q: Setuju — walaupun rumah tersebut didiami oleh Irma dan Imran dan keluarga, ia sering digunakan oleh tetamu?

A: Setuju.

Q: Setuju — kamu hanya tuduh Imran atas arahan TPR?

A: Arahan TPR supaya Imran ditahan.

Q: Gambar 0, 3 puntung rokok dirampas?

A: Setuju.

Q: Rujuk P45 muka surat 2, setuju — 3 puntung rokok tersebut dikenalpasti berbeza dengan DNA Iwan, Imran dan Chandran?

A: Setuju mengikut laporan.

Q: Setuju — ada penyumbang lain lelaki 1 dan 2?

A: Setuju mengikut laporan.

Q: Setuju — tiada cap jari mereka pada dadah?

A: Setuju.

Q: Setuju — DNA mereka tiada pada dadah?

A: Setuju.

(d) keterangan SP7 dalam pemeriksaan-balas mengenai reaksi responden-responden adalah seperti berikut:

Q: Semasa ketuk pintu, Tertuduh-tertuduh buka pintu. Bagaimana reaksinya?

A: Dia nampak terkejut.

Q: Setuju — jika perkenal polis, Tertuduh 1 hingga 3 terkejut adalah reaksi yang munasabah?

A: Setuju

Q: Kamu berpengalaman sebagai polis 17 tahun. Setuju — dalam

keadaan kamu lakukan serbuan, orang yang lakukan kesalahan akan larikan diri. Dalam kes ini Tertuduh 1 hingga 3 berkelakuan seperti orang yang tidak bersalah?

A: Setuju.

KESIMPULAN

[35] Atas alasan-alasan yang telah kami huraikan di atas, kami mendapati rayuan perayu tidak ada merit. Oleh itu, rayuan perayu ditolak. Perintah perlepasan dan pembebasan responden-responden tanpa dipanggil membela diri oleh Mahkamah Tinggi adalah disahkan dan dikekalkan.

Rayuan perayu ditolak; perintah pelepasan dan pembebasan responden-responden tanpa dipanggil membela diri oleh Mahkamah Tinggi disahkan dan dikekalkan.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar